

21 NOV 1999

Mahathir-Manifesto

MANIFESTO BN JANJI YANG REALISTIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata manifesto Barisan Nasional (BN) merupakan janji yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan yang memerintah dan bukan hanya janji untuk memancing undi.

Perdana Menteri berkata, janji BN dengan tiga kata ringkas dan mudah difahami iaitu untuk menjadikan Malaysia negara bebas, sepadu dan maju akan mengikat kerajaan untuk melaksanakan apa yang dijanjikan.

"Kita buat manifesto, kita hanya janji benda yang kita boleh buat, kita pilih perkataan yang mudah difaham, kita nak rakyat faham apa kita nak buat bukan nak berbelit-belit nak bercakap dengan perkataan yang tinggi sehingga rakyat tidak faham dan apabila jadi kerajaan, kita boleh kata kita tak kata itu (apa yang dijanjikan)," katanya semasa melancarkan manifesto BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Majlis pelancaran itu yang dihadiri oleh kesemua 14 pemimpin parti-parti komponen BN disiarkan secara langsung melalui TV3.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, manifesto parti pembangkang memberi janji-janji yang jauh lebih baik daripada parti yang akan memerintah kerana mereka sedar bahawa mereka tidak akan menjadi kerajaan dan tidak perlu menunaikan janji-janji itu.

"Kita tak mampu jadikan Malaysia sebuah kuasa besar buat masa ini, kita tidak janji semua rakyat negara akan jadi jutawan, tidak janji bahawa apabila kita memerintah akan memberi pencen dan elaun kepada seluruh rakyat, tidak janji nak buat jalan dengan emas, kita tak berjanji seperti parti lawan berjanji," katanya.

Beliau berkata parti lawan cuba memutarbelitkan perkataan-perkataan supaya walaupun mereka menang, mereka tidak akan menunaikan janji mereka kerana janji itu boleh ditafsir dengan pelbagai tafsiran.

"Oleh kerana tafsiran mereka boleh dibuat dengan bermacam-macam tafsiran, mereka akan berkata sebenarnya kami tidak janji itu, kami janji yang ini," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, BN tidak mahu menipu rakyat, tidak mahu tipu sesiapa dan tidak mahu tipu diri sendiri dengan membuat janji yang tidak boleh ditunaikan semata-mata untuk memancing undi.

"Sebab itu manifesto BN selalunya mudah difaham, dan dikumpulkan dengan perkataan-perkataan yang pendek dan tepat, perkataan yang tidak boleh disalahtafsirkan," katanya.

Kali ini BN memilih tiga perkataan yang mudah difaham oleh rakyat supaya rakyat tahu apakah yang akan dilakukan oleh Barisan Nasional apabila ia memenangi pilihan raya dan mendirikan kerajaan.

"Janji kita terkumpul dalam tiga perkataan iaitu Malaysia - Bebas, Sepadu, Maju, diterjemahkan dalam bahasa Inggeris kepada Malaysia - Free, United, Successful," katanya.

Janji-janji dalam manifesto BN itu urut diterjemahkan ke dalam bahasa lain yang digunakan oleh penduduk berbilang kaum di negara ini dengan mengekalkan makna yang sama iaitu bebas, sepadu dan maju, katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata beliau percaya rakyat pada keseluruhannya faham dengan huraian terhadap janji-janji manifesto termasuk bebas menentang segala bentuk penjajahan moden kerana mereka turut merasai kesannya seperti menghadapi keadaan harga barang keperluan menjadi mahal setelah ekonomi negara terjejas akibat diserang penyangak matawang.

Masyarakat perdagangan juga akan faham dengan apa yang dimaksudkan dengan bebas daripada penjajahan moden itu kerana mereka menderita akibat serangan penyangak mata wang itu.

Sementara itu, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob selaku pengarah operasi pilihan raya BN dalam ucapannya berkata, manifesto BN itu adalah satu dokumen lengkap yang kandungannya telah disepakati oleh kesemua 14 parti komponennya.

Katanya, cadangan menghasilkan manifesto dalam bentuk buku dengan menggunakan bahasa mudah dan gambar berwarna-warni adalah hasil idea Dr Mahathir.

"Jawatankuasa khas manifesto BN yang ditubuhkan baru-baru ini yang diketuai oleh Timbalan Pengerusi BN Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bertanggungjawab memperincikan segala kandungan manifesto itu.

Khalil berkata, manifesto itu turut mengambil kira pandangan rakan-rakan di dalam parti-parti komponen lain.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) Datuk Amar James Wong, Presiden Akar Datuk Pandikar Amin Mulia dan Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas.

Parti-parti komponen BN yang lain menghantar wakil masing-masing.

Turut serta ialah Pengerusi BN Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Pengerusi BN Wilayah Persekutuan Datuk Dr Suleiman Mohamed.

-- BERNAMA

TM FAZ